



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 5 DISEMBER 2024**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KPKM KAJI PINDAAN BEBERAPA AKTA BERKAITAN PELADANG, NELAYAN, ASTRO AWANI -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	AGRO TOUCH TINGKAT AKSES PERBANKAN AGROBANK, NIAGA, KOSMO -37	AGROBANK
3. 4. 5. 6. 7. 8. 9.	PAHANG LULUS 30 PROJEK TANAM DURIAN, KUANTAN, SH -26 UNIMAP LANCAR PROJEK CENDAWAN TEKNOLOGI KELEMBAPAN OPTIMUM, UTARA, HAKAKAH -H20 PETANI RUGI RM20,000 KEBUN JAGUNG MUSNAH, PAKA, SH -23 25 ITIK SERATI MATI AKIBAT KESEJUKAN, TUMPAT, SH -23 UNDANG-UNDANG BENIH TANAMAN: PELUANG ATAU ANCAM PETANI KECIL?, TINTA LESTARI, HAKAKAH -H27 DECLINING FARMING LAND BANK THREAT TO FOOD SECURITY, NATIONAL, THE SUN -3 COCONUT SHORTAGE BEING ADDRESSED, THE SUN -4	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/12/2024	ASTRO AWANI	ONLINE	

KPKM kaji pindaan beberapa akta berkaitan peladang, nelayan



Mohamad berkata langkah itu penting dalam memastikan tatakelola institusi termasuk persatuan dan pertubuhan di bawah KPKM kekal relevan ke arah merealisasikan agenda keterjaminan makanan negara. - Gambar fail/JaPen

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sedang mengkaji semula pindaan terhadap Akta Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) 1973 (Akta 110),

Akta Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 109) serta Akta Persatuan Nelayan 1971 (Akta 44).

Menteri berkenaan Datuk Seri Mohamad Sabu berkata langkah itu penting dalam memastikan tatakelola institusi termasuk persatuan dan pertubuhan di bawah KPKM kekal relevan ke arah merealisasikan agenda keterjaminan makanan negara.

Beliau berkata antara penambahbaikan yang dicadangkan terhadap pindaan Akta 110, Akta 109 dan perundangan subsidiari di bawahnya merangkumi memperkasakan fungsi penguatkuasaan dan penyeliaan oleh pendaftar serta melindungi hak dan kepentingan anggota Pertubuhan Peladang dengan lebih komprehensif.

"Selain itu, memperkasakan Pertubuhan Peladang dengan perluasan penglibatan meliputi pelbagai peringkat bagi mewakili komposisi ahli pertubuhan," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat hari ini.

Mohamad menjawab soalan Datuk Dr Suhaili Abdul Rahman (Bersatu-Labuan) yang ingin tahu sama ada kementerian mempunyai perancangan untuk mengkaji semua dasar yang melibatkan agensi di bawah KPKM.

Beliau berkata penambahbaikan yang dicadangkan bagi pindaan Akta 44 dan perundangan subsidiari di bawahnya iaitu Peraturan-Peraturan Persatuan Nelayan 1972 pula termasuk memperkasakan fungsi penguatkuasaan dan penyeliaan oleh pendaftar serta memperluas dan menambah keahlian Persatuan Nelayan dalam kalangan nelayan darat.

Penambahbaikan yang dicadangkan terhadap pindaan akta itu turut merangkumi penguatkuasaan penubuhan Unit Nelayan di setiap Persatuan Nelayan, melindungi hak dan kepentingan ahli Persatuan Nelayan dengan lebih komprehensif dan menambah baik proses pemilihan Lembaga Pengarah Persatuan Nelayan agar lebih efektif.

Menjawab soalan tambahan Datuk Mohd Shahar Abdullah (BN-Paya Besar) yang ingin tahu sama ada kementerian akan meningkatkan jumlah Geran Agropreneur Muda (GAM) yang berjumlah RM20,000, Mohamad berkata KPKM berhasrat untuk meningkatkan jumlah itu kepada RM30,000.

Beliau berkata cadangan pertambahan peruntukan itu bagi memberi galakan kepada golongan muda terutamanya lulusan Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) serta graduan yang mahu memulakan perusahaan dalam bidang itu.

"Kita sedang melihat perkara ini dengan lebih serius kerana agropreneur (usahawan pertanian) muda ini kita perlu bantu mereka dan kalau boleh mereka telah buat satu perusahaan berjaya.

"Kalau tidak cukup lagi modal mereka, kita tambah dan kita akan berbincang dengan Agrobank supaya mereka dapat tambah kegiatan mereka," katanya.

-- BERNAMA

Agro Touch tingkat akses perbankan Agrobank

PETALING JAYA - Silverlake Axid Ltd. (SAL) peneraju penyelesaian perbankan digital dan fintech, mengumumkan kerjasama baharu dengan Agrobank untuk melancarkan Agro Touch, sistem perbankan mudah alih dibangunkan untuk memperluaskan lagi akses kepada perkhidmatan kewangan.

Penyelesaian ini dihasilkan melalui platform GoMobile SAL, yang membolehkan perkhidmatan perbankan cawangan berteknologi tinggi dengan integrasi tablet secara intuitif, sekali gus memberikan kemudahan kepada pelanggan dan meningkatkan kecekapan bagi pihak bank.

Agro Touch mempermudah pelanggan untuk membuat pembukaan akaun deposit, yang mana ia membolehkan pelanggan menyelesaikan proses tersebut dalam masa kurang daripada 15 minit, tiga kali lebih pantas berbanding proses pembukaan akaun biasa.

Penambahbaikan ini dihasilkan daripada penyepaduan peranti biometrik, percetakan tanpa wayar, dan aliran proses

berkata, pengenalan Agro Touch mencerminkan komitmen syarikat untuk mencipta penyelesaian perbankan praktikal yang memenuhi keperluan masyarakat.

"Dengan penyediaan perkhidmatan yang fleksibel dan cekap tanpa bergantung kepada lokasi, kami komited untuk terus meningkatkan akses perbankan serta menyokong keterangkuman kewangan di seluruh negara," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam.

Pelancaran Agro Touch bermula dengan projek perintis di cawangan Utama Kuala Lumpur, Kuantan dan Ipoh, disusuli dengan pelaksanaan di tujuh cawangan tambahan di Alor Setar, Butterworth, Shah Alam, Johor Bahru, Kuching, Kota Kinabalu dan Kuala Terengganu.

Pelaksanaan sepenuhnya di seluruh negara dijangka pada suku pertama 2025, membolehkan Agrobank memberi perkhidmatan kepada pelanggan bukan sahaja dalam premis cawangan tetapi juga di lokasi terpencil, memanfaatkan mobiliti GoMobile SAL.



CASSANDRA

yang teratur, dengan penghasilan ini ia menunjukkan kepakaran SAL dalam menyediakan penyelesaian perbankan digital yang mesra pengguna dan boleh disesuaikan mengikut skala.

Timbalan Pengerusi Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan SAL, Cassandra Goh

Pahang lulus 30 projek tanam durian

Libatkan kawasan seluas 3,016 hektar milik PSK

Oleh NIK AMIRULMUMIN NIK MIN Kuantan

sektor pertanian melalui pemerkasaan industri tanaman durian di negeri ini.

"Keluasan tanaman durian di negeri ini terus meningkat daripada 14,803.2 hektar pada 2021 kepada 15,893.63 hektar pada 2022.

"Jumlah pengeluaran dihasilkan di negeri ini sebanyak 122,290.97 tan metrik bernilai lebih RM2.495 juta," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan Su Keong Siong (DAP-Kertari) mengenai perkembangan industri durian di negeri ini pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Pahang di Wisma Sri Pahang, di sini pada Rabu.

Mohd Soffi berkata, Pahang juga menerima peruntukan RM2 juta tahun ini bagi pembangunan industri durian di negeri ini termasuklah pemberian input tanaman.

"Pusat pemprosesan durian di negeri ini juga telah meningkat

kepada 20 buah di Bentong, Raub dan Jerantut," katanya.

Jelasnya, kerajaan negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri Pahang telah melaksanakan beberapa program terpilih dalam memperkasa industri durian di negeri ini.

"Antaranya pengembangan teknologi, bantuan khidmat nasihat secara teknikal, perundingan pembukaan kawasan, pemilihan varieti yang berkualiti, kesesuaian tanah, kaedah pembajaan, kawalan penyakit dan perosak, pensijilan Amalan Pertanian Baik (myGAP), program lepas tuai, pasaran dan penghasilan produk industri hiliran.

"Jabatan Pertanian Negeri Pahang turut membantu pengusaha durian mengeluarkan hasi yang berkualiti melalui amalan pertanian yang baik sehingga memperoleh persijilan myGAP dan Skim Pensijilan Organik Malaysia bagi memudahkan pengeksportan musang king ke luar negara terutama negara China," katanya.

SIDANG DUN PAHANG



MOHD SOFFI

Kerajaan negeri Pahang meluluskan 30 projek durian melibatkan kawasan seluas 3,016.54 hektar tanah milik Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang (PSK).

Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan negeri, Datuk Seri Ir Mohd Soffi Abd Razak berkata, daripada projek diluluskan itu, tujuh di Bentong melibatkan kawasan seluas 277.68 hektar; Kuantan (3 projek, 546.32 hektar); Lipis (6 projek, 681.07 hektar); Maran (1 projek, 16.6 hektar); Raub (9 projek, 1,152.66 hektar) dan Temerloh (4 projek 342.1 hektar).

Menurutnya, kerajaan negeri telah mengambil beberapa langkah proaktif bagi memperkukuh

UniMAP lancar projek cendawan teknologi kelembapan optimum

Oleh **NOOR SARA MASHITOH MOHAMAD HANIF**

ARAU: Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) melancarkan Projek Driven for Community (D4C) yang memberi fokus kepada penanaman cendawan menggunakan sistem kelembapan optimum.

Majlis yang berlangsung di Kampung Padang Siding pada Sabtu, 23 November lepas merupakan sebahagian daripada Program Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera (DPUB) 2020 Negeri Perlis.

Naib Canselor UniMAP, Prof. Dato' Ts Dr Zaliman Sauli, dalam ucapannya, menzahirkan rasa syukur atas kejayaan projek ini yang telah membawa impak besar kepada golongan B40 di negeri ini.

"Projek D4C bukan sahaja



Zaliman (dua dari kiri) menunjukkan hasil cendawan yang diusahakan selepas Majlis Peluncuran Projek D4C di Kampung Padang Siding, Arau.

meningkatkan pendapatan peserta tetapi juga memperkasakan keterampilan masyarakat melalui teknologi pertanian moden," katanya.

Beliau berkata, projek ini mendapat sokongan penuh Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAU) dengan peruntukan hampir RM1.75 juta.

"Seramai 24 peserta dari Kangar, Arau, dan Padang Besar telah dipilih untuk mengambil bahagian, dengan setiap peserta dilatih

menggunakan teknologi kelembapan optimum yang dapat meningkatkan hasil pertanian dan meminimumkan kesan cuaca ekstrem," ujarnya.

Menurut Zaliman, projek tersebut selari dengan Pelaksanaan Pendekatan Baharu Program Pemindahan dan Perkongsian Ilmu (KSTP) oleh Kementerian Pendidikan Tinggi.

Hasil penanaman pusingan pertama telah mencapai lebih 6,000 kilogram dengan jumlah jualan hampir RM60,000.

"Kerjasama strategik dengan agensi seperti Jabatan Pertanian, FAMA, dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), selain penglibatan industri seperti Oblong Burger-Seleraku Trading dan Fermwaste Sdn. Bhd., memastikan kejayaan berterusan projek ini," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/12/2024	SINAR HARIAN	PAKA/ TUMPAT	23



Pekerja kebun jagung mengumpul peralatan dihanyutkan air di Jalan Durian Mentangau, Paka.

Petani rugi RM20,000 kebun jagung musnah

PAKA - "Air naik terlalu pantas, luar daripada kebiasaan," luh petani, Mohd Noor Besar, 50, apabila terpaksa menanggung kerugian lebih RM20,000 selepas kebun jagung dan budi diusahakannya musnah dalam banjir.

Dia yang sudah mengusahakan kebun di Jalan Durian Mentangau di sini sejak 15 tahun lalu meluahkan rasa kecewa apabila 16,000 pokok jagung ditanamnya pada awal Oktober lalu tidak dapat dipetik mengikut jadual.

"Buah jagung ini sepatutnya

boleh patik pada akhir November tetapi disebabkan banjir dan paras air naik begitu cepat, habis semua tanaman jagung musnah.

"Banjir teruk dijangka Disember tapi tidak sangka ia datang awal pula pada November.

"Kalau kukat keluasan kebun

bimbingan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekabun Kecil Penusahaan Getah (Riseda) berkata, tanaman budi diusahakannya di kawasan seluas 0.2 hektar juga ter-
jagas teruk apabila kira-kira 5,000 pokok musnah.

"Selain kerugian tanaman, saya turut kehilangan dua ekor kambing ternakan yang mati akibat banjir.

"Sebelum ini saya ada ternak 30 ekor kambing tetapi hanya 18 ekor yang sempat diselamatkan dan dibawa ke tempat tinggi. Selebihnya masih ada di kebun," katanya.

25 itik serati mati akibat kesejukan

Air naik terlalu pantas menyebabkan ternakan tidak dapat diselamatkan

Oleh ADILA SHARINNI WAHID
TUMPAT

S eorang warga emas hanya mampu melihat bangkai 25 ekor itik serati miliknya terapung selepas kampung didiami.

Menurut Yuti Daud, 75, hujian lebat dan limpahan air Sungai Golok menyebabkan reban menamatkan 50 ekor itik di pekarangan rumahnya dipenuhi air.

"Air setinggi 0.9 meter dan naik mendadak menyebabkan haiwan ini mula kesejukan.

"Itik ini tidak sempat menyelamatkan diri dan mati seekor demi seekor apabila berada berterusan di dalam air," katanya ketika ditemui di Kampung Ana pada Rabu.

Yuti berkata, semua bangkai itik miliknya sudah dikambus bagi mengelak bau busuk.

"Disebabkan sukar bergerak akibat



Kedua rumah penduduk dilanda banjir di Kampung Ana, Tumpat.

ternakan yang masih ada," katanya.

Sementara itu, Yuti berkata, keadaan cuaca yang cerah sejak Selasa membolehkannya membersihkan rumah dan bersiap bersedia menghadapi gelombang banjir seterusnya.

"Saya tinggal bersama isteri berusia 69 tahun dan ibu mentua berusia 97 tahun yang uzur.

"Tak larat setiap kali banjir, perabot dan barangan elektrik semuanya rosak," katanya.



YUTI

Undang-undang benih tanaman: Peluang atau ancaman petani kecil?

Oleh **MOHAMAD IZZAT TUAN IBRAHIM**

KERAJAAN Malaysia dikatakan bakal meminda Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 (Akta PNPV) dan memperkenalkan Rang Undang-Undang (RUU) Kualiti Benih Tanaman, yang bertujuan mengukuhkan undang-undang kawalan dan peraturan berhubung pengeluaran, pengedaran, dan penggunaan benih tanaman di dalam negara.

Dalam konteks ini, usaha tersebut dilihat sebagai langkah strategik untuk meningkatkan produktiviti sektor pertanian dan memastikan keterjaminan makanan negara.

Namun, cadangan tersebut telah menimbulkan kegelisahan banyak pihak terutamanya petani berhubung impaknya terhadap petani kecil dan amalan tradisional mereka.

Kebimbangan ini timbul berikutan komitmen Malaysia di bawah Perjanjian Perdagangan Bebas Komprehensif dan Progresif Trans-Pasifik (CPTPP) dan keahlian negara dalam Akta 1991 Kesatuan Antarabangsa bagi Perlindungan Varieti Tumbuhan Baharu (UPOV 1991) yang menyebabkan Malaysia terpaksa mengubal undang-undang yang memenuhi perjanjian antarabangsa.

Ini membimbangkan para petani kerana kedua-dua komitmen ini dikatakan boleh menguatkan monopoli korporat dan kewujudan kartel dalam sektor benih, sekali gus memberi kesan negatif kepada petani kecil.

Namun begitu, keahlian negara dalam UPOV 1991 ini ada kebajikan iaitu memberi perlindungan hak kepada pembiak baka, memberikan insentif kepada pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan varieti tanaman baharu yang seterusnya meningkatkan kualiti dan kuantiti hasil pertanian dalam skala yang besar.

Sebelum ini, Pelapor Khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenal hak makanan, Michael Fakhri juga pernah menyatakan kebimbangannya terhadap UPOV



Cadangan pindaan Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 (Akta PNPV) dan memperkenalkan Rang Undang-Undang (RUU) Kualiti Benih Tanaman telah menimbulkan kegelisahan berhubung impaknya terhadap golongan petani kecil.

1991 ini yang didakwa memihak kepada pembiak baka komersial.

Ia dikatakan memberi hak monopoli kepada korporat besar untuk mengawal benih tanaman melalui sistem hak harta intelek.

Hal ini secara langsung menghadkan hak petani kecil untuk menyimpan, berkongsi, atau menjual benih.

Tindakan ini dikatakan boleh melemahkan amalan tradisional petani, meningkatkan risiko 'biopiracy' sumber genetik tempatan, dan akhirnya menjejaskan keterjaminan makanan negara.

Menjawab kepada dakwaan itu, Wakil Tetap Malaysia ke PBB menyebutkan bahawa majoriti petani di Semenanjung Malaysia sebenarnya cenderung membeli benih setiap musim.

Hasil daripada kajian tahun 2023 menunjukkan bahawa hanya 33.5 peratus pesawah di kawasan utara Semenanjung yang menyimpan 10 hingga 20% hasil tuai mereka untuk dijadikan benih bagi musim berikutnya dan angka ini berkurang setiap tahun.

Penurunan amalan menyimpan dan menggunakan

benih sendiri ini menunjukkan peralihan jelas ke arah penggunaan benih komersial. Trend ini menggambarkan integrasi petani kecil ke dalam sistem pertanian yang lebih bergantung kepada pasaran, sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada kaedah tradisional.

Keperluan untuk mengikut peraturan Antarabangsa

Beberapa seksyen dalam Akta PNPV seperti Seksyen 14(2), yang membenarkan petani menggunakan varieti tanaman berdaftar untuk kegunaan sendiri, dan Seksyen 15 serta Seksyen 31, yang memberikan perlindungan tertentu kepada petani berisiko dipinda untuk memenuhi keperluan CPTPP.

Pindaan ini menimbulkan dilema dasar antara memenuhi komitmen perdagangan antarabangsa, yang menekankan perlindungan harta intelek, dengan melindungi hak tradisional petani kecil.

Keadaan ini menunjukkan ada keperluan mendesak untuk negara mengambil jalan tengah bagi memastikan keadilan sosial dan keseimbangan

dasar, dengan mengambil kira pandangan semua pihak berkepentingan, termasuk petani kecil, NGO, dan komuniti luar bandar.

Tanpa pendekatan yang holistik, dasar ini mungkin menjejaskan kelestarian sektor pertanian tempatan dan keterjaminan makanan negara.

Impak terhadap petani kecil

RUU Kualiti Benih Tanaman akan memperkenalkan sistem pelesenan dan notifikasi wajib bagi pihak yang menyimpan dan mengedarkan benih. Ini berpotensi menambah beban kepada petani kecil, yang kebanyakannya bergantung kepada amalan tradisional seperti menyimpan benih sendiri untuk musim penanaman seterusnya. Tambahan pula, amalan korporat yang membekalkan "set lengkap" benih bersama baja dan racun sering kali memerlukan pelaburan besar, yang boleh menekan petani kecil dari segi kewangan dan beban pengoperasian. Dalam konteks ini, dasar baharu mungkin meminggirkan petani kecil yang sudah pun menghadapi cabaran seperti

margin keuntungan rendah, kebergantungan hasil kepada cuaca, dan peningkatan kos pengeluaran.

Bagi melindungi hak petani kecil ini, kerajaan telah menyatakan komitmen melalui beberapa pindaan terhadap Akta PNPV.

Antaranya, petani kecil akan dibenarkan menyimpan dan menggunakan benih varieti tertentu untuk kegunaan sendiri tanpa dikenakan sekatan.

Peruntukan baharu juga akan diperkenalkan bagi memperkukuh hak pembiak baka kecil, termasuk masyarakat tempatan dan pribumi, untuk memohon perlindungan ke atas varieti tanaman yang mereka bangunkan.

Malaysia juga boleh mengambil inspirasi daripada amalan negara ASEAN seperti Vietnam dan Thailand, yang berjaya mengimbangi perlindungan benih tempatan dan hak petani kecil dengan inovasi sektor benih yang kompetitif, sebagai model untuk membangun sektor pertanian yang lebih inklusif dan mampan.

Kesimpulannya, undang-undang yang bakal diperkenalkan ini merupakan langkah penting ke arah memperkukuh sektor pertanian negara.

Namun, pelaksanaannya perlu seimbang antara memenuhi keperluan perdagangan antarabangsa dan melindungi hak petani kecil.

Melalui dasar inklusif seperti pengecualian tertentu bagi petani kecil dan pengiktirafan benih tempatan, Malaysia berpeluang untuk membina sistem keterjaminan makanan yang lebih mampan dan adil.

Langkah ini bukan sahaja akan memastikan sektor pertanian dapat bertahan dalam landscape global yang kompetitif tetapi juga memperkukuh keupayaan negara dalam menangani cabaran seperti perubahan iklim dan keselamatan makanan, sambil mengekalkan biodiversiti spesies tempatan, seterusnya mengukuhkan sosioekonomi masyarakat luar bandar.

>>Penulis ialah penyidik Ya'asan Strategik Lestari

5/12/2024

THE STAR

NATIONAL

3

Declining farming land bank threat to food security

► Situation attributed to focus on urban development, housing projects and cash crops such as oil palm

■ BY HARTHA KAMAL
newsdesk@theindaily.com

PETALING JAYA: Universiti Kuala Lumpur economic analyst Dr Almi Zulhaizmi Abdul Rashid has warned of significant risks to Malaysia's food security due to the decreasing availability of farmland and an ageing population.

The latest Khazanah Research Institute report from 2019 revealed that agricultural land for the agro-food industry measured 922,200ha in 2010.

While current figures are unavailable, the report projected a decline to 600,000ha by 2020, attributing the reduction to the conversion of farmland for cash crops such as oil palm, urban development and housing projects.

Meanwhile, statistics from the Muda Agricultural Development Authority in 2021 indicate that the average age of padi planters in Malaysia is now 60, with only 15% of Farmers Organisation Authority members under 40.

Almi Zulhaizmi said food security is an ongoing challenge for Malaysia. With ageing farmers and a declining agricultural workforce, the country is also faced with the need to diversify its agricultural products, moving away from large-scale vegetable farming in Cameron Highlands, food-focused agriculture is relatively scarce in Malaysia.

This is largely due to the availability of inexpensive food imports from neighbouring countries, which makes local farming less competitive," he said.

"As a result, our food import bill has steadily risen. In 2023, it stood at RM78.79 billion, an increase from RM75.62 billion in 2022."

Almi Zulhaizmi added that the reluctance of younger generations to enter the agriculture sector exacerbates the issue as farming is often viewed as a profession with "low social status".

"Young Malaysians have strong prejudices against agriculture, which is often perceived as a low-paying, low-status job. Traditional farming practices passed down from previous generations reinforce this perception, making it unattractive. Many prefer sectors such as IT, which offer better career prospects, financial security and social recognition. Additionally, farm owners frequently hire foreign workers as a more affordable alternative to local labour, further discouraging youth participation," he said.

While some government and private initiatives aim to encourage youths to pursue careers in agriculture, Almi Zulhaizmi said the sector has been lukewarm and progress remains slow. However, not all young people shun farming.

Muhammad Adib Hashim, 29, is among the few transforming Malaysia's agricultural landscape.

A civil engineering PhD student, he took over his family's *harumanis* mango orchard in Bukit Kertai, Perlis, following his father's passing in May 2023.

"I received a lot of support when I decided to continue my family farming business. They were already passionate about farming, thanks to my late father, who instilled that passion in me," he said.

He regularly attends courses organised by the Perlis State Agriculture Department to stay informed about best practices for cultivating *harumanis* mangoes.

Leveraging social media platforms such as TikTok, he promotes his produce, educates others and attracts new customers.

"Farming is an age-old profession, but modern technology plays a crucial role in ensuring quality and efficiency. I use drones to monitor the health of the fruit's sweetness, ensuring it meets commercial standards. My uncle and I also use drones to monitor tree health and optimise productivity."

Looking ahead, Muhammad Adib plans to expand his family's business over the next five to ten years, aiming to introduce his mangoes to wider Malaysian and Indonesian markets. He believes farming can be a financially sustainable career with proper planning and hard work.

Like him, more young Malaysians will consider farming as a viable career. There's so much to gain if one takes advantage of the available resources and initiatives. With fresh ideas and the right mindset, young people can transform agriculture and secure Malaysia's food supply for the future," he said.

Almi Zulhaizmi said food security is an ongoing challenge, with about one-fifth of agricultural land allocated for commercial use, such as oil palm plantations.
— MASRY CHE ANI/THESUN

